

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 JULAI 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	42 Produk inovasi dipaten	Utusan Malaysia
2	Working to ensure safe entry for SMART	The Star
3	Satelit boleh kesan peluru berpandu	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (KAMPUS MEGA) : MUKA SURAT 25 TARIKH : 21 JULAI 2014 (ISNIN)



SEBAHAGIAN pensyarah dan pelajar Politeknik Melaka yang berjaya menjuarai Pertandingan Inovasi Bomba Peringkat Negeri Melaka dan Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Sektor Awam Peringkat Negeri Melaka baru-baru ini.

42 produk inovasi dipaten

Membuktikan komitmen Politeknik Malaysia melahirkan penyelidik kalangan tenaga pengajar dan pelajar dalam menghasilkan produk inovasi negara

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK dan NORSHIMAH ARIFFIN
kampus@utusan.com.my

POLITEKNIK Malaysia telah membuktikan kejayaannya melahirkan penyelidik kalangan tenaga pengajar dan pelajar dalam mencari penemuan terbaru.

Politeknik Malaysia antara institusi yang berjaya memfailkan paten 42 daripada 124 produk inovasinya yang dihasilkan sepanjang 2007 hingga tahun ini dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Kejayaan ini membuktikan kesungguhan institusi ini menghormati dan melindungi hak harta intelek kerana ia merupakan satu bentuk kekayaan baharu dalam menjaga ekonomi serta menyediakan peluang yang lebih luas ke arah menjaga pendapatan rakyat.

Politeknik Malaysia agresif dalam menghasilkan produk inovasi yang berkualiti supaya dapat dipasarkan secara komersial sehingga ke peringkat antarabangsa dan bukan terhenti setakat tahap penyelidikan sahaja.

Kejayaan memfailkan harta intelek ini membuktikan komitmen Politeknik Malaysia antara institusi penyumbang kepada penciptaan produk inovasi negara.

Usaha itu terbukti apabila tiga daripada 42 produk inovasi yang berjaya itu berada di tahap pra pengkomersialan industri negara iaitu "Wiring Fault Tester" hasil ciptaan dari Politeknik Melaka (PMK), "Solar Grass Cutter" dari Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas) dan "Basic Electric Student Training Kit" dari Politeknik Seberang Perai (PSP).

Di PMK, Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan diberi tanggungjawab untuk pelaksanaan penciptaan, inovasi serta kreativiti penghasilan produk.

Pengarahnya, Rashidah Mustapa berkata, ke arah mencapai sebuah negara pendidikan tinggi, Politeknik Malaysia telah membuktikan kejayaannya melahirkan penyelidik kalangan tenaga pengajar dan pelajar dalam mencari penemuan terbaru produk teknologi dan inovasi di negara ini, namun usaha di peringkat paten dan komersial perlu dipertingkatkan.

"Usaha ini menjadi fokus utama



DR. Abu Bakar Mohamad Diah (tengah) melihat hasil produk inovasi yang di reka cipta pensyarah dan pelajar Politeknik Melaka.

Politeknik Melaka memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara industri yang memerlukan lebih banyak produk inovasi di hasilkan menjelang 2020," katanya.

Rashidah berkata, keupayaan itu terbukti apabila baru-baru ini produk inovasi dari PMK berjaya memenangi tiga daripada tujuh kategori dalam Pertandingan Rekabentuk Multimedia Interaktif, Pengajaran & Pembelajaran Peringkat Zon Selatan.

"Kita berusaha membantu penyelidik menghasilkan idea-idea kreatif dan inovasi baharu dalam membangunkan reka cipta inovasi masing-masing. Sebagai contoh apabila Projek Penggulang Hos Bermotor ciptaan pensyarah dan pelajar PMK berjaya mengharumkan nama politeknik apabila menjadi Juara Pertandingan Inovasi Bomba Peringkat Negeri Melaka dan Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Sektor Awam Peringkat Negeri Melaka," katanya.

Menurut Rashidah lagi, budaya Inovasi dan penyelidikan itu berjaya dihasilkan apabila mendapat sokongan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** yang juga ahli jawatankuasa Penasihat Politeknik Melaka.

Bertitik tolak daripada sokongan

Produk inovasi PMK yang dipaten sejak 2012

Bil	NAMA PRODUK
1	Trolly Pengangkut Enjin Bot Sangkut (UI)
2	Greentech Height Capacity Bins (UI)
3	Distribution Box Light (UI)
4	Automation Control System For PLC Learning Kit (UI)
5	Wiring Fault Tester Learning Kit (UI)
6	Tripod Proba Mackintosh (UI)
7	Kit Pembuka Tayar Motosikal (ID)
8	Scaffolding Software (Scafana) (LY & TM)
9	Interactive Learning for Financial Accounting (LY & TM)
10	Super 'S' Signage Cone (UI)
11	Mesin Pengasing Biji Kekabu (UI)
12	English Board Game - "What Say You" (LY)

Produk inovasi Politeknik Malaysia yang dipaten

Bil	Politeknik	Bil. Produk Dipatenkan
1	Politeknik Melaka (PMK)	12
2	Politeknik Merlimau Melaka (PMM)	6
3	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)	5
4	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)	4
5	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)	3
6	Politeknik Ungku Omar (PUO)	3
7	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)	2
8	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSb)	2
9	Politeknik Seberang Perai (PSP)	1
10	Politeknik Port Dickson (PPD)	1
11	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)	1
12	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)	1
13	Politeknik Kota Kinabalu (PKK)	1

ini, PMK mula meningkatkan strategi mematenkan produk inovasi sehingga berjaya dikomersialkan.

Hasilnya sejumlah lapan produk didaftarkan di bawah kategori Utility Innovation, dua produk dikategori Reka Bentuk Perindustrian, tiga produk di bawah hak cipta dan dua produk lagi di

bawah kategori Cap Dagangan.

Keunikan Produk Inovasi hasil ciptaan PMK adalah penggunaan cap dagangannya iaitu CPMK yang membawa maksud **Creative PMK**.

Setakat ini, PMK berjaya mempunyai cap dagangan atau jenama tersendiri bagi setiap produk inovasi yang dicipta.



Working to ensure safe entry for SMART

Govt delegation seeks cooperation from Ukraine

SEPANG: A high-powered Malaysian government delegation is in Kiev to seek co-operation from the Ukrainian government for the Special Malaysian Disaster Assistance and Rescue Team (SMART) to enter and secure the site where Malaysia Airlines Flight MH17 went down.

They include Transport Minister Datuk Seri Liow Tiong Lai and Foreign Minister Datuk Seri Anifah Aman. Liow arrived in Kiev yesterday while Anifah arrives today with a team of Wisma Putra officials.

On Saturday, Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak said he had asked the two ministers to go to Kiev as soon as possible and ensure the SMART team could do their work unhindered.

The delegation is set to have several meetings, including one with Ukrainian President Petro Poroshenko.

"The meeting between Anifah and Poroshenko is the most significant in



our effort to enter and secure the site," Malaysian officials said.

"We need his assurance and his government's assistance to provide a safe passage for our SMART personnel to do their job."

Liow is also expected to be at the meeting. Already he has expressed Malaysia's concern that the crash site had not been properly secured.

The 62-member Malaysian delegation comprises of the Department of Civil Aviation, Civil Defence Department, **Chemistry Department**, Foreign Ministry and Malaysian Islamic Development Department (Jakim), among others.

They are in Kiev and waiting for

authorisation to travel to the crash site.

Malaysia, Ukraine and six other interested parties – teams from some of the countries the passengers were from – have engaged a third party to negotiate with pro-Russian rebels for the safe passage.

Malaysian special investigation team leader Khairil Hilmi Mokhtar told Malaysian reporters that the negotiations were going on.

"We hope to be able to enter the site by tomorrow," he said.

The International Committee of the Red Cross (ICRC) is in talks to break the deadlock over the recovery of bodies from the site.

Representative Anastasia Isyuk told *The Star* that ICRC offered its services to both the Ukrainian government and representatives of the self-proclaimed Donetsk Popular Republic to address the issue of the remains. Isyuk said an ICRC specialist in dead body management joined the team in Ukraine.

Satelit AS boleh kesan peluru berpandu



Pemberontak pro-Rusia dilihat membawa kotak hitam yang dipercayai milik pesawat MH17.

SHAH ALAM - Persoalan pihak mana yang menembak pesawat MH17 hanya akan terjawab dengan cerapan satelit yang dapat merakam semasa kejadian itu berlaku.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr Noordin Ahmad berkata, cara itu adalah paling berkesan untuk mengheret pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

"Setakat ini, kita pastinya akan bergantung kepada satelit milik Amerika Syarikat (AS) untuk mendapatkan gambaran yang jelas dari mana sebenarnya peluru berpandu tersebut (ditembak).

"Berapa lama tempoh (diperlukan) untuk mengetahui (tembakkan itu) ang-

kara siapa, itu kita tidak dapat sahkan kerana negara terlibat (Ukraine) masih berlaku pergolakan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagaimanapun beliau yakin pesawat milik Malaysia bukanlah sasaran utama serangan tersebut memandangkan laporan sebelum ini menyebut laluan itu turut dilalui pesawat negara lain.

"Sebenarnya radar dapat kesan pesawat ini, tetapi kita pun tidak tahu mengapa ia ditembak, kalau mahu katakan ia tersalah tembak adalah sukar kerana peluru berpandu itu dituju ke arah pesawat.

"Apa pun pelbagai persoalan masih belum terjawab kerana kejadian ini mengejutkan semua pihak," ujarnya.

Terdahulu dilaporkan Pasukan Antirisikan Asing Ukraine mendakwa mempunyai bukti menunjukkan pasukan puak pemisah yang disokong Rusia sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam insiden MH17.

Ketua Perkhidmatan Keselamatan Jabatan Antiriskannya, Vitaliy Nayda berkata, beliau mempunyai bukti bergambar menunjukkan dua sistem peluru berpandu Buk-M1 dari Ukraine menyeberang ke Rusia pada jam 2 pagi (waktu Ukraine) pada 18 Julai, iaitu sehari selepas MH17 ditembak.

Menurut Nayda, tiga Buk-M1 buatan Rusia ditempatkan di wilayah Ukraine yang dikawal kumpulan pemisah ketika pesawat MH17 terhempas.